



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

SEMPENA

MAJLIS KONVOKESYEN PERTANIAN KALI KE-10 TAHUN 2022

3 MAC 2022 (KHAMIS)

PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (PICC)

1. Pertamanya, saya mengalu-alukan dan **mengucapkan selamat datang kepada semua tetamu jemputan terutama mereka yang diraikan pada hari ini**. Saya zahirkan rasa syukur kerana dapat sama-sama hadir di Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-10 Tahun 2022 anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).
2. Semoga dengan kehadiran kita pada hari ini dapat menyemarakkan lagi majlis bagi meraikan **para graduan tahun 2020 dan 2021 yang telah menamatkan pengajian** dengan jayanya di **pusat-pusat latihan di bawah naungan MAFI**.
3. Untuk makluman, tahun ini merupakan **tahun ke-10 Majlis Konvokesyen Pertanian dilaksanakan secara bersepadu antara MAFI dengan jabatan-jabatan serta agensi-agensi di bawahnya**.
4. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada kesemua **1,712 orang graduan** yang diraikan pada majlis konvokesyen kali ini.
5. Saya dimaklumkan bahawa, seramai **288 orang graduan Diploma Kemahiran Malaysia, 711 orang graduan Sijil Kemahiran Malaysia, 543 orang graduan Sijil Pertanian Malaysia, 83 orang graduan Sijil Veterinar Malaysia** dan **87 orang graduan Sijil Perikanan** telah berjaya menamatkan pengajian pada sesi kali ini. Kesemua graduan ini adalah mereka yang telah menamatkan pengajian bagi tahun 2020 dan 2021 yang lepas.
6. Sehingga kini, MAFI telah berjaya mengeluarkan seramai **21,759 orang graduan terlatih semenjak tahun 1969**. Kita mengharapkan dengan pertambahan jumlah tenaga mahir dalam bidang agromakanan dapat mempertingkatkan lagi **daya saing industri ini di pasaran global** dan seterusnya menjamin **kelangsungan bekalan makanan negara**.
7. **Tahniah dan syabas** diucapkan kepada kesemua graduan.

Para graduan yang diraikan,

8. MAFI sedang mengorak langkah meneraju **Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0)** bagi **memodenkan industri pertanian negara** sejajar dengan **Dasar Agromakanan 2021-2030 (DAN 2.0)** bagi memastikan sekuriti makanan berdaya saing dan mampan melalui dasar-dasar utama kerajaan iaitu **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Agenda Pembangunan Mampan 2030** dan **Rancangan Malaysia Lima Tahun**.
9. Dalam hal ini, para graduan sekalian merupakan bakat masa hadapan yang akan meneruskan usaha mentransformasi sektor agromakanan negara **ke arah IR 4.0**.
10. Apatah lagi, para graduan **telah diterapkan dengan proses pendidikan dan latihan berteraskan amalan industri** merangkumi komponen **praktikal, kemahiran psikomotor** dan **pendedahan kepada latihan di industri**.

11. Para graduan **bukan sahaja** mempunyai **kemahiran teknikal tetapi turut diterapkan dengan ilmu keusahawanan** sepanjang tempoh pengajian yang akan menjadi nilai tambah di alam pekerjaan atau menjadi usahawan agromakanan pada masa hadapan.
12. Saya berharap graduan pada hari ini dapat melibatkan diri menjadi sebahagian **dari usahawan tani yang akan bersama-sama menjayakan VISI dan MISI MAFI dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi bagi menjamin sekuriti makanan negara pada masa hadapan**. Saya percaya sebagai golongan muda yang mempunyai tenaga dan kekuatan serta pengetahuan teknikal dalam bidang pertanian, usaha Kerajaan ke arah pertanian pintar akan tercapai.
13. Kepada para graduan **saya mengucapkan syabas kerana telah berjaya menghadapi segala bentuk cabaran untuk mencapai apa yang telah dicipta-citakan**.
14. Para graduan semua **wajar berbangga atas kejayaan anda**. Anda sesungguhnya telah membuktikan kepada diri sendiri, keluarga dan juga masyarakat bahawa kejayaan pasti boleh dicapai dengan usaha yang bersungguh-sungguh.
15. Saya percaya, dalam tempoh dua tahun lalu **para graduan semua telah mendapat asuhan, bimbingan dan didikan yang cukup untuk merubah perspektif** demi menghadapi cabaran hidup pada masa hadapan.
16. Dengan perubahan sedemikian para graduan semua tentu dapat **meningkatkan keyakinan diri untuk menghadapi apa sahaja kerjaya yang akan anda ceburi**. Saya berdoa semoga para graduan semua maju jaya dalam kerjaya yang akan anda ceburi.
17. MAFI melalui jabatan-jabatan dan agensi-agensinya, akan terus melaksanakan **program latihan untuk melahirkan para belia yang kompeten dalam semua subsektor agromakanan**. Ini bukan sahaja penting bagi memenuhi **permintaan tenaga mahir dalam sektor ini, tetapi juga bagi melahirkan belia yang bakal menjadi usahawan dalam sektor agromakanan**.
18. Kerajaan telah dan akan terus memberikan peruntukan yang cukup bagi meningkatkan infrastruktur dan kemudahan di institut-institut latihan untuk mempertingkatkan lagi mutu latihannya.
19. **Saya berharap mutu pengajaran dan pembelajaran di semua institut ini dapat dikekalkan dan dipertingkat dari semasa ke semasa agar dapat memenuhi keperluan daripada ‘stakeholders’, iaitu sektor awam maupun swasta.**
20. Bagi tujuan ini, pihak institut juga harus **mengambil langkah positif untuk sentiasa menyemak dan menambahbaik kurikulum yang digunakan** agar sejajar dengan keperluan dan perkembangan sektor pertanian masa kini.

21. Pada hari ini juga, sebanyak **12 Penerima Anugerah Khas Bagi Tahun 2020 dan 2021** akan turut diraikan termasuk:

- (a) Anugerah Khas Pengurus Besar MADA;
- (b) Anugerah Khas Pengarah Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) Tahun 2020 dan 2021;
- (c) Anugerah Khas Ketua Pengarah Pertanian Tahun 2021;
- (d) Anugerah Khas Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Tahun 2020 dan 2021;
- (e) Anugerah Khas Ketua Pengarah Perikanan Tahun 2020 dan 2021;
- (f) Anugerah Khas Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Tahun 2020 dan 2021; dan
- (g) Anugerah Khas Pingat Emas Menteri Pertanian dan Industri Makanan Tahun 2020 dan 2021.

Para hadirin yang dikasihi,

22. Akhir kata, **tahniah dan syabas sekali lagi kepada semua graduan**. Saya amat berharap agar para graduan beroleh kejayaan dalam segala bidang yang diusahakan dan sentiasa maju dalam kehidupan. Hanya yang berusaha akan mencapai kejayaan yang diimpikan.
23. Saya berharap agar segala ilmu yang telah anda perolehi semasa pengajian dapat digunakan dengan sepenuhnya. Semoga pengalaman bernilai sepanjang pengajian memberikan kebijaksanaan dan meningkatkan semangat jati diri dalam menghadapi apa jua cabaran yang mendarat.

Saya dengan ini mengisytiharkan Sidang Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-10 Tahun 2022, dimulakan.

Terima Kasih



TEKS PENANGGUHAN

Oleh

**YB DATUK SERI RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
SEMPENA**

**MAJLIS KONVOKESYEN PERTANIAN KALI KE-10 TAHUN 2022
PADA
3 MAC 2022
BERTEMPAT DI
PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (PICC)**

Dengan Kuasa yang diberikan, saya mengisytiharkan sidang Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke 10 Tahun 2022 Ditangguhkan.

Terima Kasih.